

Fenomena nikah muda jadi trend malah ia pencetus semangat kepada pasangan untuk berjaya

Oleh Siti Farahiyah Aziz, Umar Mohd Tawil, Nurul Aiman Mohd Isa
am@hmetro.com.my
Shah Alam

Fenomena kahwin muda yang dulunya dilihat janggal namun pada era globalisasi ini ia seolah-olah menjadi trend, malah sudah mula diterima oleh masyarakat hari ini. Kahwin pada usia muda akan menyebabkan segelintir pasangan tidak dapat menghabiskan pengajian sepenuhnya di universiti berikutan mempunyai komitmen lebih besar terhadap keluarga.

Pelajar Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Muhammmad Mu-



Harian metro
23/11/2015
mls 34

MUHAMMAD
Muhaimi bersama
Amirah dan anak
mereka Damia.

SUSULAN PASANGAN NASI BUJANG

MANISNYA KAHWIN MUDA!



hami Zulkifli, 23, berkata, dia yang mendirikan rumah tangga pada usia 21 tahun masih bersemangat meneruskan pengajian walaupun sudah bergelar bapa.

"Kahwin pada usia muda bukanlah alasan dan penghalang untuk berjaya malah pencetus semangat kerana ada 'kekuatan' di sisi.

"Memang segelintir masyarakat berpendapat bahawa kahwin muda akan menghilangkan segala impian dan cita-cita namun ia hanyalah sekadar 'picisan' kerana segalanya bergantung kepada individu itu sendiri," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, dia terus bersemangat dan melahirkan

rasa bersyukur apabila dalam tempoh beberapa bulan selepas berkahwin isterinya Amirah Syahira Amir Hashim, 23, mengandung.

"Belum sempat lagi untuk merancang keluarga sebab kami masih belajar namun rezeki datang dengan cepat.

"Memang terkejut untuk bergelar bapa pada usia 22 tahun lebih-lebih lagi ini anak pertama dan banyak persediaan yang perlu dilakukan," ujarnya.

Pasangan berkenaan kini dikurniakan seorang anak perempuan, Damia Qaisara Muhammmad Muhaimin yang kini berusia setahun dan dijaga sepenuhnya oleh

isterinya.

Muhammad Muhaimi berkata, dia dan isterinya tidak mengalami masalah kewangan teruk walaupun tiada sumber pendapatan tetap namun keikhlasan keluarga kedua-dua pihak yang banyak membantu dapat mengurangkan sedikit bebanan yang ditanggung.

"Bila sudah ada anak, keluarga kedua-dua belah pihak sangat prihatin dan memahami kos pengurusan anak memang besar lebih-lebih lagi dengan status kami yang masih belajar.

"Baru nak pergi beli lampin anak, emak dah belikan. Saya juga tidak mengharap-

kan sepenuhnya bantuan daripada keluarga, malah duit simpanan turut digunakan hasil perniagaan buah-buahan kampung," katanya yang berasal Pasir Mas, Kelantan.

Sementara itu, Amirah Syahira berkata, perkahwinan berkenaan bukanlah bagi menutup aib dan perkara negatif tetapi ia adalah jodoh.

"Perkenalan kami hanyalah dalam tempoh dua bulan dan saya tidak menolak jodoh untuk disatukan bersama walaupun ketika itu kami masih dalam tempoh pengajian.

"Saya berkahwin awal bagi



LAPORAN Metro Ahad.

mengelak timbul perkara buruk. Ini cara terbaik untuk kami mencegah maksiat," katanya.

Menurutnya, dia kini menjalankan perniagaan atas talian menjual pakaian muslimah dan hasil keuntungan berkenaan digunakan bagi

menampung perbelanjaan anaknya.

Dalam pada itu, Muhammad Muhaimi kini menyambung semula pengajian sepenuh masa manakala isterinya pula menyambung pengajian jarak jauh (PJJ) di tempat yang berbeza.